

Academy of Language Studies  
UiTM Cawangan Pulau Pinang

# e-Lingua

2/2024



MAY  
2024



✓ <a href="#"><u>Chief Editor's Desk</u></a>	2
✓ <a href="#"><u>News &amp; Reports</u></a>	3
✓ <a href="#"><u>Heads Over Meal</u></a>	24
✓ <a href="#"><u>Art &amp; Culture</u></a>	30
✓ <a href="#"><u>Lecturer's Contribution</u></a>	37
✓ <a href="#"><u>Creative Corner</u></a>	48
✓ <a href="#"><u>The Team</u></a>	52



# Lecturer's Contribution



<u>Mental Health: Subconscious Mind</u>	<u>3 8</u>
<u>Uplift Your Momentum</u>	<u>4 0</u>
<u>The Holistic Living</u>	<u>4 1</u>
<u>Last Christmas...</u>	<u>4 2</u>
<u>Sambil Menyelam Sambil Sulam</u>	<u>4 4</u>
<u>Ukhuwah di Laut Sanur</u>	
<u>Haiku</u>	<u>4 5</u>
<u>Ayat-ayat Lucu Memikat</u>	<u>4 6</u>
<u>The Healing Properties of Essential Oil</u>	<u>4 7</u>



# SAMBIL MENYELAM SAMBIL SULAM UKHUWAH DI LAUT SANUR

Oleh PM Dr Rofiza Aboo Bakar



September 2022 membenarkan saya berkunjung sekali lagi ke bumi dewata: Bali, Indonesia. Kali ini misi saya mudah sahaja: berehat, berbasikal, mencari ide untuk menulis artikel dan mengunjungi beberapa masjid dalam jangka masa dua minggu berada di sana. Kesemua misi saya berjaya dipenuhi. Akan tetapi, istimewanya juga ialah saya berupaya menyulam ukhuwah dengan rakan baru.

Oleh kerana ini adalah kali keempat saya tiba di Bali, saya hanya mahu menghabiskan masa yang banyak di dalam premis hotel dan pantai yang menghadap Laut Sanur tanpa tergesa-gesa melawati lain-lain tempat yang sarat dengan pengunjung. Laut di sini amat ideal untuk aktiviti berenang kerana pasirnya yang landai menjadikan ia tidak begitu dalam atau merbahaya. Ombak yang membadi tidak akan sampai ke pantai kerana ianya pecah apabila melewati terumbu karang yang memanjang (Alexander, 2023) serta terletak kira-kira 500 meter dari pantai. Rutin pagi selepas bersarapan adalah untuk berehat di atas kerusi panjang yang disusun rapi pihak pengurusan hotel. Berehat sambil membuka ‘laptop’ mencari ilham penulisan sebelum terjun ke dalam air dan naik semula ke pantai adalah aktiviti harian yang tidak mungkin berlaku di Malaysia.

Sebelum berpisah, sempat diberitahu namanya Anna. Keesokan hari, saya kembali ke premis yang sama dengan harapan boleh bertemu beliau lagi. Namun, kelibatnya sudah tiada. Saya berbasikal beberapa kilometer di sepanjang Pantai Sanur mencari beliau tetapi hampa. Namun, pesanmu kuingat. Moga kamu bisa kembali ke Ukraine dengan selamat.

Rujukan:

Alexander, H. B. (2023, July 30). Jaga warisan alam Sanur, Danamon gelar konservasi terumbu karang. *Kompas*.

<https://lestari.kompas.com/read/2023/07/30/205500386/jaga-warisan-alam-sanur-danamon-gelar-konservasi-terumbu-karang/>

Semasa berada di Sanur, sempat saya berkenalan dengan seorang wanita kulit putih yang sering berendam di dalam air tanpa berenang tetapi hanya melihat langit biru yang dihiasi awan putih di atas. Tingkah lakunya menarik perhatian saya. Juga, oleh kerana saya memang suka menjalin persahabatan, perlahan-lahan beliau didekati. Dalam perbualan yang singkat itu, saya akhirnya ketahui bahawa beliau ialah seorang pensyarah Psikologi yang lari dari Ukraine kerana rumahnya habis hancur dibedal bom akibat perperangan Russia-Ukraine. Beliau tidak tahu berapa lama beliau akan berada di sini menumpang anaknya yang mengajar yoga di Bali. Syarahannya masih berjalan tetapi kesemuanya dilakukan secara atas talian. Sebelum berpisah, pesan beliau ialah supaya kita bersyukur jika negara aman damai dan ada makan, pakai dan minum.

